

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat manakah Kementerian mengenal pasti kerosakan tanaman pertanian dan ternakan yang dialami oleh petani, pesawah dan pekebun kecil akibat ribut taufan yang melanda seluruh negara baru-baru ini dan nyatakan langkah Kementerian bagi membantu golongan petani, pesawah dan pekebun kecil yang kerugian akibat bencana alam ini khususnya di Parlimen Sabak Bernam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kerosakan ternakan yang telah dikenalpasti akibat ribut taufan yang melanda seluruh negara baru-baru ini di Parlimen Sabak Bernam adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PEMOHON	KAD PENGEN ALAN	KAUM	JENIS TANAMAN/ TERNAKAN/	LUAS MUSNAH (HEKTAR)/ BIL	ANGGARAN NILAI KEROSAKAN (RM)
1	MUHAMMAD SHAFIQ BIN OTHMAN	970623-10-6627	MELAYU	KAMBING	KANDANG ROSAK	1,000.00
2	SALIHUDDIN BIN PARMIN	581216-10-5345	MELAYU	AYAM PEDAGING	REBAN ROSAK	500.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN UNTUK PENTERNAK/USAHAWAN TERJEJAS (LAPORAN SEHINGGA 18/08/2019)</b>						<b>1,500.00</b>

2. Bagi membantu meringankan beban pesawah yang dilanda bencana, pihak Kementerian telah mewujudkan Tabung Bencana Bantuan Padi yang disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sejak tahun 2017. Pada tahun 2019, sebanyak RM708,015.85 telah disalurkan ke negeri seperti berikut:

BIL	NEGERI	NILAI PERUNTUKAN (RM)	BIL PENERIMA (ORANG)
1	Negeri Sembilan	20,520.00	4
2	Perak	168,243.45	164
3	Kedah (Padang Terap)	15,404.85	23
4	Kedah (MADA)	503,847.55	295
	<b>JUMLAH</b>	<b>708,015.85</b>	<b>486</b>

Sekian, terima kasih.